

aab

Mahathir - Kehakiman

KEBEBASAN MUTLAK DALAM BIDANG KEHAKIMAN BOLEH DISALAHGUNAKAN, KATA PM
I

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kebebasan mutlak dalam bidang kehakiman boleh disalahgunakan dan mengakibatkan pengabaian tugas di kalangan hakim-hakim.

Perdana Menteri berkata pernah berlaku sebelum ini hakim-hakim gagal dalam tugas mereka dan jika keadaan seperti itu tidak diawasi, ia boleh menjadi bertambah buruk.

"Memandangkan tiada siapa yang berani mengatakan mereka (hakim-hakim) tidak menjalankan tugas mereka sebaiknya, mereka mungkin menjadi bertambah teruk lagi," katanya pada permulaan dialog tertutup dengan pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, di sini.

Ini boleh berlaku lebih-lebih lagi di Malaysia di mana hakim-hakim lebih dihormati berbanding beberapa negara lain, dan beliau memberikan contoh di Britain orang ramai boleh mencerda hakim-hakim yang memberikan penghakiman yang tidak popular, melalui tulisan mereka.

"Di sini tentunya kita boleh ditangkap kerana menghina mahkamah ataupun yang berkaitan dengannya.

"Kebebasan memang baik tetapi tiada siapa yang harus 100 peratus bebas kerana jika anda terlalu bebas, anda mungkin kehilangan rasa tanggung jawab," katanya. -- Lagi

▼07/04/15-45MST

R GB 07-04 00161 BB978

aab

Mahathir - Kehakiman 2 Kuala Lumpur

"Tetapi wujud kebimbangan bahawa jika mereka terlalu bebas ketika itu mereka mungkin melakukan sesuatu yang salah dan kita tidak layak untuk berkata apa-apa dan apabila mereka merasakan mereka boleh melepaskan diri dengannya, kita akhirnya akan mempunyai kehakiman yang bukan sepatutnya sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk mengelakkan masalah ini, kesemua ketiga-tiga badan utama kerajaan harus tahu peranan mereka dan mengamalkan kewibawaan mereka dengan kuasa yang diberikan pada mereka.

Beliau bagaimanapun berkata ketiga-tiga pihak telah menyumbang kepada kestabilan negara dan pada masa yang sama menarik banyak pelaburan asing.

Kerjasama ketiga-tiga badan ini juga telah menjadikan Malaysia satu daripada negara paling aman di dunia yang membenarkan rakyat mengamalkan prinsip demokrasi dan menikmati kebebasan yang sepatutnya, katanya.

Dalam perkara ini, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa adalah penting bagi rakyat Malaysia menyedara bahawa kebebasan yang mereka nikmati sekarang seiring dengan tanggungjawab mereka terhadap negara. -- Lagi

▼07/04/16-04MST

aab

Mahathir - Kehakiman 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kebebasan bagi rakyat bermaksud keupayaan untuk menyingkirkan sesebuah kerajaan dengan cara mudah melalui pengundian tanpa perlu melakukannya secara ganas di jalan raya-jalan raya.

"Kebebasan untuk menumbangkan sesuatu kerajaan adalah kebebasan paling agung. Terdapat juga kebebasan lain yang juga penting tetapi tidak satupun yang boleh menandingi kebebasan menumbangkan sesuatu kerajaan," katanya.

"Kerajaan yang dipilih tentunya tidak sentiasa betul. Kita mungkin menyalahgunakan kuasa kita, kita mungkin membuat keputusan mengenai dasar-dasar yang salah. Jika kita dilihat tidak menjalankan tugas, rakyat boleh menyingkirkan kita," katanya.

Menurut beliau keadaan seperti itu kerap juga berlaku di beberapa negeri di Malaysia untuk membuktikan bahawa demokrasi sememangnya terlaksana di negara ini.

Mengenai kuasa kerajaan yang dipilih, Dr Mahathir berkata sesetengah orang merasakan bahawa sesiapa pun boleh memerintah negara jika diberi kuasa berbuat demikian tetapi katanya: "Kita lebih mudah menyalahgunakan kuasa memerintah daripada untuk memerintah."

Beliau juga berkata bahawa apabila rakyat yang mengamalkan rasuah memilih kerajaan, hanya yang menerima rasuah yang dipilih, dan negara itu akan menderita. -- Lagi

*07/01/16 20467

CNS9852

aab

Mahathir - Kehakiman 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata bahawa "kita telah sampai pada satu peringkat di mana kita tidak boleh berbuat apa-apa kecuali memupuk satu budaya yang baik baik untuk negara".

Menyentuh peranan kakitangan tetap awam membantu Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata mereka harus stabil dan mahir serta boleh berfungsi tanpa terlalu banyak gangguan jika berlaku sebarang perubahan dalam personaliti kerajaan.

Katanya mereka harus terus meningkatkan keupayaan diri dan juga tahu kuasa-kuasa yang mereka ada serta hadnya.

"Apapun boleh berlaku di tengah jalan. Sesuatu mungkin gagal, sistem politik mungkin gagal, sistem ekonomi mungkin gagal. Cara paling baik untuk mengawal daripada semua ini ialah bagi kita untuk tahu apa yang harus kita lakukan," katanya.

Sambil mengulangi bahawa matlamat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai, beliau berharap para penggantinya komited seperti beliau.

Beliau juga menegaskan kepentingan menyemai nilai, cita-cita dan wawasan rakyat kepada ahli politik yang akan memerintah negara ini pada masa depan.

-- Bernama

JO RON